



Candelier bekas simpan sel mikrob

Serdang: Sekali imbas, lampu dipamerkan di Galeri Serdang, Universiti Putra Malaysia (UPM) (gambar), kelihatan seperti candelier kristal yang mewah.

Sebenarnya, hiasan berkenaan diperbuat daripada bekas menyimpan sel mikrob yang diisi dengan serbuk berwarna-warni dan digantung sekeliling mentol lampu.

Olahan kreatif oleh Kurator UPM, Nasir Baharuddin itu merupakan antara pendekatan unik bagi menarik minat orang ramai untuk mendalami bidang mikroorganisma bersempena dengan penganjuran Pameran Nyawa Mikrob di universiti penyelidikan itu, baru-baru ini.